



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 31 JULAI 2024

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM MAHU GENERASI MUDA CEBURI SEKTOR PERIKANAN SEBAGAI NELAYAN MODEN, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	DANGERS TO PEOPLE, ANIMALS FROM POISONED FOOD, EVENTS, THE STAR -6	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	DURIOTOURISM MARDI KUALA KANGSAR DESTINASI PELANCONGAN BERASASKAN DURIAN, BUAH-BUAHAN TROPIKA, UTUSAN BORNEO -ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
4.	MARDI KUALA KANGSAR 'DURIOTOURISM' A MAGNET FOR DURIAN LOVERS, UTUSAN BORNEO -ONLINE	
5.	HARAP BENIH AWAN TINGKAT PARAS AIR, LOKAL, HM -3	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6.	IMPAK FENOMENA IKLIM BSISO, NASIONAL, BH -5	
7.	PETANI HARAP PEMBENIHAN AWAN BERHASIL, NASIONAL, SH -10	
8.	USAHAWAN NANAS HAMPIR PUTUS ASA, NASIONAL, BH -9	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
9.	SULTAN PAHANG GUSAR TANAH 'DIJAJAH', NASIONAL, BH -6	LAIN-LAIN
10.	PARAS AIR EMPANGAN BELUM NAIK, NASIONAL, SH -10	
11.	SUNGAI PAHANG SURUT SEJAK SEMINGGU LALU, NASIONAL, SH -10	
12.	EMPANGAN MUDA, BUKIT MERAH KRITIKAL, NEGARA, KOSMO -16	
13.	EMPAT LAGI EMPANGAN SABO BAKAL DIBINA TAHUN INI, NEGARA, KOSMO -16	
14.	FARMERS WORRY OVER DRY FIELDS AS BUKIT MERAH LAKE RECEDES, NATION, THE STAR -6	
15.	PESTA MALAYSIA 2024 DI BELANDA CIPTA KEJAYAAN GEMILANG, BERNAMA -ONLINE	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/7/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

KPKM mahu generasi muda ceburi sektor perikanan sebagai nelayan moden



Arthur berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan NEKMAT kali ke-39 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur semalam. --fotoBERNAMA

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mahu golongan belia menceburi sektor perikanan sebagai nelayan moden.

Timbalan Menterinya Datuk Arthur Joseph Kurup berkata penglibatan golongan belia sebagai nelayan muda dan moden, adalah sangat penting kepada sektor perikanan negara bagi memastikan kelestarian sekuriti makanan negara.

"Kementerian akan terus menyokong usaha murni ini, agar profesion nelayan tidak dianggap sebagai kerja 3D (kotor, bahaya dan sukar), tetapi sebagai suatu kerjaya yang dapat memberikan peluang pekerjaan kepada belia dan mendatangkan pulangan hasil yang lumayan.

"Ini kerana kita tidak mahu suatu hari nanti sektor perikanan negara dimonopoli warga asing. Kita berhadapan cabaran, kita mempunyai nelayan dan petani yang menua, masalah ini bukan sahaja di negara kita malah hampir di semua negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) kali ke-39 tahun 2024 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, yang turut dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah NEKMAT Abdul Hamid Bahari.

Arthur berkata di bawah pusat bertauliah di bawah KPKM, terdapat tiga institusi yang menawarkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berasaskan industri perikanan, iaitu Kolej Pertanian Malaysia (KPM) di Kedah, Kolej Perikanan Sultan Nazrin Shah (KPSN) di Perak dan Akademi Perikanan Malaysia (APM) di Terengganu.

"Dengan pelbagai kemudahan seperti yuran percuma, elaun makan dan penginapan percuma, pelatih didedahkan kepada pelbagai teknologi moden yang memberi pelbagai faedah, seperti penggunaan simulator pemanduan bot nelayan dan perisian Virtual Reality (VR) aktiviti penangkapan ikan," katanya.

Sementara itu Arthur berkata KPKM memberi jaminan akan menjaga kebajikan nelayan sekiranya terjejas dengan fenomena Monsun Barat Daya.

"KPKM akan usahakan sekiranya nelayan terjejas, dengan menyediakan bantuan dari tabung bencana dan sebagainya, dalam memastikan golongan itu memperoleh pendapatan untuk meneruskan operasi perikanan mereka," katanya.



Arthur (tengah) bersama penerima anugerah pelajar nelayan cemerlang IPTA pada Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan NEKMAT kali ke-39 semalam. Turut hadir, Abdul Hamid (tujuh, kanan) dan Azrin Shah (kiri). -- fotoBERNAMA

Terdahulu, Arthur dalam ucapannya berkata urus niaga NEKMAT bagi tahun berakhir 2023 mencatatkan keuntungan bersih lebih RM9.32

juta.

"Prestasi keuntungan NEKMAT amat membanggakan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Pengerusi dan pengurusan NEKMAT. Semoga dapat meningkatkan keuntungan dalam usaha memperkasakan sosioekonomi masyarakat nelayan di negara ini.

"Bagi saya nelayan merupakan penyumbang penting dalam memajukan sektor perikanan negara dan dalam masa yang sama, turut memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi dan terjamin," katanya.

Arthur berkata pada tahun ini, kerajaan masih meneruskan skim subsidi diesel dan petrol kepada nelayan, dan kuota diesel bersubsidi yang telah diluluskan ialah sebanyak 70 juta liter dengan kadar harga subsidi yang ditetapkan ialah RM1.65 seliter bagi diesel dan petrol.

Justeru, pihaknya berharap agar nelayan dapat memanfaatkan subsidi ini dengan baik dan telus, tanpa menjual kembali kepada pihak yang tidak bertanggungjawab.

Terdahulu Pengurus Besar NEKMAT Azrin Shah Ismail berkata pihaknya berharap kerajaan akan meneruskan subsidi minyak untuk nelayan, kerana ia mampu meringankan kos operasi nelayan ke laut.

"Sekurang-kurangnya jika kerajaan beri elaun sara hidup dan insentif subsidi minyak ini, dapat bantu sebahagian kecil nelayan," katanya.

-- BERNAMA

RECENT cases of children ingesting poisoned food meant for animals and incidents of dogs dying in Penang have drawn public attention to pest control methods in the country.

The discussions revolve around the role of the authorities and the community in dealing with this issue.

StarMetro's Life & The City podcast hosts Aida Ahmad and Farid Wahab delve into the issue in the fourth episode.

They are joined by Dr Saravanakumar Supramaniam Pillai, who is former Veterinary Services Department (DVS) senior deputy director and currently senior adviser on Farm

Dangers to people, animals from poisoned food

Animal Welfare, Policy and Engagement for Humane Society International (HSI).

The trio discuss the legality and impact of the poisoning cases, among others, before concluding with a review of recent incidents.

The Life & The City podcast series, which airs fortnightly, addresses current and social issues impacting urbanites.

The podcast is available on www.thestar.com.my/metro and on *The Star's* social media platform @thestaronline.



(From left) Farid, Aida and Dr Saravanakumar speaking on poisoning cases involving humans and animals in the Life & The City podcast.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/7/2024	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Duriotourism MARDI Kuala Kangsar destinasi pelancongan berasaskan durian, buah-buahan tropika



Azman (kiri), Arthur (tengah) dan Mohamad Zabawi (kanan) menikmati durian di Duriotourism MARDI Kuala Kangsar, baru-baru ini.

KUALA LUMPUR: MARDI Kuala Kangsar telah diisytiharkan sebagai salah satu destinasi pelancongan dikenali sebagai Duriotourism yang berasaskan durian dan buah-buahan tropika serta bertemakan kampung dusun.

Destinasi pelancongan ini mengetengahkan lima konsep iaitu teknologi, inovasi, pemuliharaan, pendidikan dan rekreasi (TICER) yang antara salah satu objektifnya ialah memindahkan teknologi durian MARDI kepada orang ramai yang mengunjungi taman agro ini.

Duriotourism MARDI Kuala Kangsar juga merupakan satu-satunya kebun buah-buahan yang berkonsepkan agropelancongan di mana ia dibuka untuk pengunjung mempelajari kaedah penanaman dan diberi peluang untuk mencuba variasi buah-buahan hasil penyelidikan MARDI.

Terdapat lebih daripada 20 jenis durian klon dan kampung ditanam di sini. Pengunjung berpeluang menikmati pelbagai jenis durian termasuk hibrid MARDI iaitu MDUR 78 (D188), MDUR 78 (D189) dan MDUR 88 (D190) yang berpotensi tinggi dan sering mendapat permintaan daripada pengunjung dan penanam durian di seluruh negara.

Pakej Duriotourism yang dilaksanakan mengikut musim durian ini memberi pengalaman kepada pengunjung untuk membuat lawatan ke ladang durian sebenar dengan menaiki tram sambil diiringi jurupandu yang berpengalaman luas dalam penanaman dan varieti durian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup mengadakan lawatan kerja di Duriotourism ini baru-baru ini bagi merasai suasana dan menikmati pelbagai varieti durian.

Beliau turut disertai Pengerusi MARDI Dr Azman Ismail dan Ketua Pengarah MARDI Dato' Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/7/2024	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Mardi Kuala Kangsar ‘Duriotourism’ a magnet for durian lovers



Arthur, flanked Azman (left) and Mohamad Zabawi, enjoying some durian during the visit to Duriotourism Mardi Kuala Kangsar.

KUALA LUMPUR (July 30): Datuk Arthur Joseph Kurup, Deputy Minister of Agriculture and Food Security, was delighted by the vibrant atmosphere during a recent working visit to ‘Duriotourism Mardi Kuala Kangsar’.

The Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) of Kuala Kangsar, known as ‘Duriotourism’, highlights five concepts: technology, innovation, conservation, education and recreation (TICER),

Its key objective is to transfer Mardi durian technology to the public who visit this agropark.

“Duriotourism Mardi Kuala Kangsar is a fruit garden with an agro-tourism concept where it is opened for visitors to learn planting methods and be given the opportunity to try the fruit varieties resulting from Mardi research,” said the institute in a statement.

This Duriotourism package, implemented according to the durian season, gives visitors the experience to visit a real durian farm by riding a tram accompanied by a guide with extensive experience in durian cultivation and varieties.

Mardi Kuala Kangsar has been declared as a tourist destination, specifically based on durian, and with a village theme.

There are more than 20 types of durian clones grown there, such as Mardi’s hybrid durians, namely MDUR 78 (D188), MDUR 78 (D189) and MDUR 88 (D190).

“MDUR 88 is the tastiest durian I have ever tried, where it is comparable to the Musang King and the price is reasonable.

“We are very proud of Mardi’s success and hope to be able to promote this durian clone domestically and abroad,” said Arthur, believing that the MDUR 88 has the potential to become the durian of choice after receiving positive feedback from durian entrepreneurs.

The deputy minister was accompanied by Mardi chairman Dr Azman Ismail and Mardi director-general Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Harap benih awan tingkat paras air

Kuala Neraang: Operasi Pembenihan Awan (OPA) yang dilaksanakan di kedah bermula kelmarin diharap dapat meningkatkan paras air khususnya di Empangan Muda dan Empangan Pedu, dekat sini, yang amat penting untuk kegunaan domestik dan pertanian.

Hal itu berkaitan paras takungan di kedua-dua empangan tersebut yang semakin menyusut iaitu sekitar hari ini masing-masing mencatatkan paras 8.36 peratus (Empangan Muda) dan 40.87 peratus (Empangan Pedu).

43, berkata paras air di Ta-sik Pedu yang membekalkan air bagi Empangan Pedu terus menyusut sejak beberapa bulan lepas, namun

“Kita perlu risau juga sebab empangan ini menampung air untuk kegunaan domestik dan pertanian”

**Nadia Farhana
Mohd Razman**

situasi itu tidak terlalu buruk dibandingkan pada 2020 dan semasa fenomena El Nino pada 2016.

"Tadi saya ada nampak pesawat di udara, saya pun tak tahu ada pembenihan awan hinggalah rakan saya beritahu tadi, saya harap pembenihan awan berjaya-

bantu naikan kembali takungan air di kawasan empangan ini.

"Jika paras air di Tasik Pedu ini menyusut lagi, ia akan menampakkan tanah perkuburan lama yang sebelum ini ditenggelami air, kalau tidak ada hujan lepas ni mungkin boleh nampaklah," katanya.

8

Se-
menta-
ra itu, ba-
gi Nadia Fa-
rhana Mohd

Raznan, 37, yang berkunjung ke Tasik Pedu untuk melihat keadaan terkini, terkejut paras air semakin susut berbanding

dua minggu lepas.

"Saya harap OPA hari ini berjaya, walaupun ramai seronok lihat empangan kering tapi kita perlu risau juga sebab empangan ini menakung air untuk kegunaan domestik dan pertanian.

"Saya lihat ada pesawat berle-

gar-legar 15
minit, cuaca
hari ini
nampak re-
dup, sava

berjaya dan hujan turun
berterusan untuk bantu
tingkatkan paras air di em-

pangan," katanya yang berasal dari Alor Setar.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamid sebelum ini dilaporkan berkata, kerajaan akan melaksanakan OPA di Kedah dan Perak selama tiga hari berturut-turut.

bermula kelmarin.

Beliau berkata, operasi bagi meningkatkan paras air di Empangan Bukit Merah, Perak dan Empangan Muda, Kedah untuk pertanian dan air domestik.

Berdasarkan tinjauan di Tasik Pedu kelmarin, keli-batan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) ber-legar di ruang udara diper-cayai melakukan OPA jam

1.150 tengah hari kelmarin. Tasik Pedu menempati Empangan Pedu hanya berjarak 10 kilometer dari Tasik Gubir yang menempatkan Empangan Muda.

Dalam pada itu, laman web Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) menyatakan paras takungan tiga empangan utama dikendalikan lembaga itu iaitu Empangan Muda, Empangan Pedu dan Empangan Ahning berada pada tahap 45 peratus berbanding 47 peratus Khamis lepas.

Mada sebelum ini dalam kenyataan memaklumkan takungan di ketiga-tiga em-pangan itu masih dikate-gorikan sebagai normal dan tinggi jika dibandingkan dengan rekod terendah per-nah dicatat sebelum ini.

Kampung lama di Empangan Pedu timbul akibat paras air susut

Kuala Nerang: Penyusutan paras air di Empangan Pedu sejak hampir sebulan lalu menyeksikan perkampungan lama dikenali Kampung Mong Gajah yang ditenggelamkan bagi memberi laluan pembinaan infrastruktur itu puluhan tahun lalu, timbul dan menarik kunjungan ramai.

Tinjauan mendapati kawasan empangan dan bekas perkampungan itu yang dikosongkan sejak kitar 1970-an, mula dikunjungi orang ramai sejak air takungan surut kira-kira tiga minggu lalu. Ada sekadar bersiar-siar, ada juga ambil kesempatan mencari lokan.

Halimah Razak, 38, berkata dia bersama anak perempuan berusia empat tahun, Farisha Ismail serta jiran dari Kampung Kota Aur, Sik, dekat sini menunggang motosikal selama kira-kira 20 minit untuk masuk ke kawasan empangan mencari lokan sebanyak mungkin.

"Lokan ada di pesisiran yang masih ada air, anak paling bersemangat dan teruja setiap kali diajak ke sini.



Penduduk mencari lokan di Empangan Pedu akibat paras air menyusut.

(Foto Wan Nabil Nasir/BH)

"Selalunya tak sampai setengah jam kami sudah boleh penuhkan satu plastik beg beras lima kilogram, cuma perlu berhati-hati kerana kawasan di sini berselut," katanya.

Jiran sekampung, Indon Mad Daya, 71, memberitahu lokan yang diperolehi akan dibawa pulang untuk dijadikan lauk selepas dibersihkan dan dikopek isinya, dengan rasa hampir sama seperti kerang dan siput lain.

Ibu tunggal, Siti Rahmah Mad Doyah, 62, juga tidak melepaskan peluang menikmati keindahan alam semula jadi sambil mencari lokan di kawasan itu yang akan 'muncul' beberapa tahun sekali apabila air empangan kering.

"Bukan selalu dapat peluang seperti ini (empangan kering), mungkin tiga atau empat tahun

lagi baru dapat jejak kaki lagi ke sini," katanya.

Mengikut Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), semalam paras air di Empangan Muda terus menyusut kepada 8.44 peratus, manakala Empangan Pedu sebanyak 40.28 peratus dan Empangan Ahning, 81.97 peratus dengan purata keseluruhan takungan air bagi ketiga-tiga empangan adalah 44.63 peratus.

Impak fenomena iklim BSISO

Fenomena iklim semula jadi iaitu Ayunan Dalam Musim Panas Hemisfera Utara (BSISO) menyebabkan peningkatan suhu dan keadaan kering seperti dalam negara ini sejak dua minggu lalu. Ayunan menyebabkan gangguan dalam sistem atmosfera yang bergerak dari Lautan Hindi ke kawasan Malaysia dan Sumatera, kemudian bergerak ke utara mempengaruhi kawasan Laut China Selatan. Sepanjang tempoh ini, secara umumnya kebanyakan kawasan di Malaysia akan mengalami cuaca kering berikutan kurangnya penumpuan udara lembap untuk menghasilkan hujan.

Empangan Timah Tasoh

Cuaca panas dan kemarau ketika ini menyebabkan bekalan air di Empangan Timah Tasoh di Padang Besar yang berfungsi sebagai bekalan air domestik dan pengaliran perindustrian terus berkurangan sehingga paras bawah 27.70 meter.

Empangan Berih, Sik

Timah Tasoh adalah satu di empangan iri diangka dapat bertahan sehingga September depan bagi menampung bekalan air domestik untuk Kedah dan Pulau Pinang.



Empangan Abing

Mengikut rekod laman web semalam, paras air di Empangan Abing terus menyusut dan hanya tinggal 61.77 peratus.

Empangan Muda, Sik

Mengikut rekod laman web semalam, paras air di Empangan di Empangan Muda terus menyusut dan hanya tinggal 8.44 peratus.



Empangan Pedu, Padang Terap

Paras air Empangan Pedu yang semakin menyusut telah memberi impak kepada lara yang dikelilingi sebagai kampung Melayu yang kembali timbul sejak hampir sebulan lalu.



Sungai Tembeling

Paras air semalam beratus-ratus dan malar cetera serta dengan keadaan yang semakin menyusut, paras air di kawasan ini malar 80 meter panjang adiant musti kemarau di kawasan Ulu Tembeling.



Taman Tasik Tanjung

Itu adalah kawasan 'Bukit Batu' kerana menetralkan taburan hujan paling tinggi, bandar Tanjung tidak terkawal daripada kerana tempat musim kemarau yang sangat berkesan kerana 'Taman Tasik' yang kering, kontang sehingga orang ramai boleh berjalan di dasar tasik itu.



Tasik Bukit Merah

Adiant paras air yang kritikal di Tasik Bukit Merah selepas beberapa hari hujan yang terik, paras air di Tasik ini yang terik akan mencapai 200 meter setinggi ini menghidupkan hampir 5,000 hektar sawah di daerah Kelantan, Bagai Sera terik.



Sungai Muda

Perbedaan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menyuar pengguna air di negeri itu mengurangkan penggunaan air sebanyak 10 peratus sehingga musim hujan yang diangka bermula September depan.



Sungai Segamat

Sungai Segamat yang diukur di 'emas' bagi padam air yang menyempit pada sebarang aktiviti penangkapan ikan bekalan air untuk disebabkan musim kemarau.



Sultan Pahang gusar tanah 'dijajah'


Kurang integriti
punca pendatang
kuasai pertanian
sehingga jejas
ekonomi negeri

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah meluahkan kebimbangan tanah di Pahang mula 'dijajah' pendatang asing secara terang-terangan berikutan kurang nilai integriti.

Baginda bertitah, sebagai contoh tanah di Cameron Highlands yang dipajak dan disewa kepada petani serta pengusaha tetapi kini disewakan kepada warga asing.

"Demi hanya mengikut nafsu dan mementingkan wang ringgit, kita sanggup mengadai integriti dan membiarkan tanah di negeri ini diratah oleh bukan pemiliknya.



Al-Sultan Abdullah mahu kerajaan Pahang mengkaji secara mendalam rancangan pembangunan di Cameron Highlands. (Foto fail NSTP)

"Lebih mendukacitakan lagi warga asing mengambil alih peranan sebagai 'tauke' yang menguasai pertanian, mengakibatkan ngawal bekalan dan harga dalam industri pertanian, mengakibatkan wujudnya kartel yang merosakkan ekonomi negeri dan negara secara keseluruhan.

"Oleh itu, beta mahu kerajaan

beta memantau aktiviti ini dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas bagi memastikan aktiviti seperti ini tidak lagi berlaku.

"Tiada kompromi terhadap isu seperti ini daripada beta.

"Jangan sekali-kali gelap mata dengan wang ringgit dan kese-

nangan dunia yang sementara. "Laksanankanlah amanah yang diberi ini dengan penuh integriti dan ingatlah! setiap kerja buat dan tanggungjawab kita akan dipersoalkan kelak," titah baginda.

Al-Sultan Abdullah bertitah pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Negeri Pahang sempena memulakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-65 Sultan Pahang di Istana Abdulaziz, di sini, semalam.

Rakyat beri maklumat

Di samping itu, baginda mengesahkan rakyat bekerjasama memberi maklumat kepada pihak berkuasa mengenai segala bentuk jenayah dan salah laku kerana ia adalah tanggungjawab bersama.

"Beta juga ingin kerajaan negeri dan pihak berkuasa mengkaji dengan mendalam mengenai rancangan pembangunan di Cameron Highlands, khususnya pembangunan pada masa akan datang.

"Hanya dengan pendekatan yang holistik, tegas dan lestari akan dapat menyelamatkan tanah tinggi berkenaan daripadanya.

segala bentuk kerakusan dan tindakan yang tidak bertanggungjawab," titahnya.

Al-Sultan turut mengucapkan tabiah kepada penerima darjah kebesaran dan pingat negeri Pahang tahun ini.

Namun, baginda mengingatkan setiap pingat diterima malam bukan sekadar satu penghargaan, tetapi juga amanah.

"Di samping itu, beta juga ingin menegaskan penghargaan ini juga membawa tanggungjawab yang besar, ia memerlukan kalian semua untuk terus berusaha dalam menjaga nilai kesetiaan, kehormatan dan keadilan dalam setiap tindakan.

"Bukannya menjadikan anugerah dunia ini asbab keangkuhan dan besar diri. Sebaliknya menjadi contoh dan teladan kepada masyarakat.

"Beta ingin ingatkan juga di sini beta tidak sekali-kali berkompromi dan tidak akan teragak-agak menarik semula darjah kebesaran yang dikurniakan sekiranya terdapat salah laku yang menjejaskan nama baik institusi beraja dan negara dalam kalangan penerima," titahnya.

31/7/2024

NASIONAL

10

SINAR
HARIAN

Paras air empangan belum naik

Operasi pembenihan awan yang dilaksanakan bermula Isnin masih di peringkat permulaan

Ola SITI ZUBADAH
ZAKARIAH
YAN

Operasi Pembenihan Awan (OPA) yang dilaksanakan bermula Isnin masih belum menjangkitkan paras air Empangan Muda di negeri ini dan Empangan

Bukit Melintang. Timbalan Menteri Perikanan, Tenaga dan Transformasi Air, Akmul Nasrullah Mohd Nasir berkata, OPA yang dilaksanakan baru di peringkat permulaan dan menjangkitkan paras air Empangan Muda dan Empangan Selat dan Ribu.

"Kalau tempok paras air empangan masih tidak berubah

sebelum ini, saya rasa situasi ini paling teruk berbanding sebelumnya, air pun dah tohor. Kalau ini dah jadi begini, saya rasa

"Buat sementara waktu, operasi rumah rakit saya terpaksa ditutup dan banyak tempahan pelanggan yang ditolak."

Sungai Pahang surut sejak seminggu lalu



Kedua paras air Sungai Pahang dekat Temerloh yang surut selepas peniagaan rumah rakit milik Abdul Ismail.

TEMERLOH - Kedua paras air Sungai Pahang, di sini yang surut sejak seminggu lalu dipercayai paling teruk menyebabkan pelbagai pihak terjejas antaranya pengusaha rumah rakit berhampiran Empangan Muda dan Empangan Selat.

Menurut Akmul Nasrullah, Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sedang memantau keadaan di beberapa empangan termasuk Sumber Asil, Bekalan Air, Kedah, Mohamad Yusoff, Kuching, dan Alam Sekitar.

"Kita tengah membentangkan anjakan paras air di Empangan Bets di Sik, dan kita akan buat persiapan bagaimana dijangka mampu menampung keperluan domestik di negeri ini dan Pulau Pinang sehingga bertambah serius," katanya.

Sebelum ini, Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sumber Asil, Bekalan Air, Kedah, Mohamad Yusoff, Kuching, dan Alam Sekitar, Akmul Nasrullah, berkata, paras air di Empangan Bets di Sik, dan kita akan buat persiapan bagaimana dijangka mampu menampung keperluan domestik di negeri ini dan Pulau Pinang sehingga bertambah serius," katanya.



Paras air Empangan Muda, Sik terus menyusut dan hanya tinggal 8.44 peratus pada Selasa akibat cuaca panas melampau. Gambar kecil: Akmul Nasrullah.

sebelum ini, saya rasa situasi ini paling teruk berbanding sebelumnya, air pun dah tohor. Kalau ini dah jadi begini, saya rasa

"Buat sementara waktu, operasi rumah rakit saya terpaksa ditutup dan banyak tempahan pelanggan yang ditolak."

Menurut Akmul Nasrullah, Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sedang memantau keadaan di beberapa empangan termasuk Sumber Asil, Bekalan Air, Kedah, Mohamad Yusoff, Kuching, dan Alam Sekitar.

"Kita tengah membentangkan anjakan paras air di Empangan Bets di Sik, dan kita akan buat persiapan bagaimana dijangka mampu menampung keperluan domestik di negeri ini dan Pulau Pinang sehingga bertambah serius," katanya.

Petani harap pembenihan awan berhasil



CHE ANI

ALOR SETAR - Petani berkebun padi di Empangan Muda (MADS), Che An Met Zam berkata, Empangan Muda dan Empangan Selat

didapati surut berdasarkan trajiannya beberapa hari lepas.

"Sekiranya, tiada hujan dalam tempoh terdekat ini (maksudnya dalam tempoh terdekat ini), saya rasa situasi ini paling teruk berbanding sebelumnya, air pun dah tohor. Kalau ini dah jadi begini, saya rasa

"Buat sementara waktu, operasi rumah rakit saya terpaksa ditutup dan banyak tempahan pelanggan yang ditolak."

Menurut Akmul Nasrullah, Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sedang memantau keadaan di beberapa empangan termasuk Sumber Asil, Bekalan Air, Kedah, Mohamad Yusoff, Kuching, dan Alam Sekitar.

"Kita tengah membentangkan anjakan paras air di Empangan Bets di Sik, dan kita akan buat persiapan bagaimana dijangka mampu menampung keperluan domestik di negeri ini dan Pulau Pinang sehingga bertambah serius," katanya.

Sebelum ini, Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sumber Asil, Bekalan Air, Kedah, Mohamad Yusoff, Kuching, dan Alam Sekitar, Akmul Nasrullah, berkata, paras air di Empangan Bets di Sik, dan kita akan buat persiapan bagaimana dijangka mampu menampung keperluan domestik di negeri ini dan Pulau Pinang sehingga bertambah serius," katanya.

September.

Dalam paku itu, berdasarkan rekod di laman web Sistem Pengurusan Air Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (MUDA), paras air di Empangan Muda terus menyusut dan hanya tinggal 8.44 peratus pada Selasa.

Selain itu, Empangan Pudu dan Empangan Selat juga menunjukkan penyusutan paras air selu masing-masing ke tahap 40.28 peratus dan 82.23 peratus.

Purata keseluruhan takungan air bagi ketiga-tiga empangan itu adalah 20.1 peratus pada Selasa.

Sabtu lalu, media melaporkan taburan hujan yang rendah dijangka berterusan hingga bermula fasa peralihan monsun dengan situasi itu menyebabkan paras air di Empangan Muda dan Selat terus menyusut.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Muhammad Ridwan, paras air di Empangan Muda dan Selat akan terus menyusut sekiranya cuaca panas berterusan.

berada dalam musim monsun barat daya sejak 17 Mei lalu.

petani berharap pembenihan awan berhasil

petani berharap pembenihan awan berhasil

petani berharap pembenihan awan berhasil

petani berharap pembenihan awan berhasil

petani berharap pembenihan awan berhasil

petani berharap pembenihan awan berhasil

petani berharap pembenihan awan berhasil

petani berharap pembenihan awan berhasil

petani berharap pembenihan awan berhasil

petani berharap pembenihan awan berhasil

petani berharap pembenihan awan berhasil

petani berharap pembenihan awan berhasil

petani berharap pembenihan awan berhasil

Usahawan nanas hampir putus asa

Harapan Sarah kembali bersinar selepas dapat tunjuk ajar LPNM

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Miri: Sebelum berhijrah ke bandar raya Miri dari kampung halamannya di Long Teran, Sungai Tinjar di Baram, Sarah Anyie, tidak pernah terfikir untuk menjadikan nanas sebagai sumber rezeki.

Ketika itu, beliau suri rumah sepenuh masa dan keluar dari kampungnya pada 1992 kerana mengikut suaminya bekerja di Miri.

Usahawan nanas berketurunan Kayan berusia 55 tahun itu berkata, sebaik berhijrah ke bandar, beliau bosan hanya duduk di rumah, lalu mengambil upah gaji hari membersihkan rumput di kebun nanas ibu saudara serta kakak iparnya di tebing Sungai Miri.

"Ketika itu pengetahuan saya dalam penanaman nanas memang sifar, saya hanya tahu mencabut rumput di celah pokok nanas.

"Selepas agak lama mengambil upah dengan mereka, saya semakin berminat dengan penanaman nanas sehingga tergerak hati untuk membuka kebun sendiri dan ia menjadi kenyataan pada 1999 apabila saya meneroka tanah di



Sarah menunjuk nanas premium varieti MD2 yang ditanamnya.

(Foto Mohd Roji Kawi/BH)

saya menghadapi kesukaran pula untuk menjual buah nanas di Tamu Muhibbah di Miri.

"Saya hampir putus asa dan terfikir untuk mengundur diri," katanya.

LPNM sediakan kursus

Bagaimanapun, harapan Sarah kembali bersinar selepas berjumpa dengan pegawai Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) pada tahun 2015.

"Selepas mendengar penjelasan serta tunjuk ajar cara penanaman dan penjagaan nanas saya bersemangat semula untuk mengusahakan kebun nanas secara serius di kawasan Sungai Adong.

"LPNM memberi galakan dengan menyediakan kursus serta



memberi subsidi benih dan baja," katanya.

Sarah berkata, dengan kursus berterusan yang dihidangkannya sejak 2015, kemahiran menjaga tanaman itu semakin baik jika dibandingkan ketika bekerja di kebun kakak ipar dan ibu saudaranya sebelum ini.

Mengenai hasil jualan pula, Sarah berkata, ketika mula mengusahakan kebun pada 2015 jualan mereka di Tamu Muhibbah, Miri agak lembab dengan purata jualan antara 50 hingga 100 nanas sehari.

"Kemudian kami berpindah ke Tamu Malah Dau (dalam bahasa Kayan bermaksud 'Tamu Siang Hari') di tepi jalan utama menghala ke Brunei dan di sana jualan kami mula meningkat sehingga 300 sehari.

"Nanas pelbagai varieti kami jual antara RM2 hingga RM10 sebijil dan Tamu Malah Dau ini pula dibuka enam hari seminggu kecuali hari Ahad dengan pelanggan-pelanggan bukan sahaja penduduk tempatan, malah warga Brunei yang melalui jalan itu," katanya.

Katanya lagi, mereka memperoleh keuntungan bersih kerana tidak menggunakan orang te-

ngah menjual hasil tanaman.

"Kami tanam, kami tuai, kami angkut keluar dan kami jual sendiri. Hasilnya memang amat baik untuk mengubah kehidupan kami.

"Saya amat menghargai bantuan LPNM, dari mengajar cara menanam dengan betul hingga menyediakan subsidi benih dan baja," katanya.

Dengan bantuan LPNM itu juganya katanya, beliau kini sedang meneroka satu lagi kawasan tanaman baharu di Pujut Padang Kerbau. Miri, bagi mengembangkan lagi kebun nanasnya.

Berdasarkan rekod LPNM kawasan Miri, skim tanaman nanas di Sungai Adong itu mempunyai tujuh kelompok dengan setiap kelompok mempunyai antara 20 hingga 69 usahawan.

Bermula pada 2015, skim Sungai Adong semakin berkembang dan LPNM kini melaksanakan projek berimpak tinggi dengan menggalakkan usahawan menanam nanas premium iaitu varieti MD2.

LPNM juga bertanggungjawab sepenuhnya memantau peserta program bagi meningkatkan lagi industri nanas Sarawak.

31/7/2024

KOSMO

NEGARA

16



AKMAL NASRULLAH (tiga dari kiri) bersama Mohamad Yusoff (kanan) meninjau Projek Pembaikan Empangan Sabo di Teluk Hayun. (Yusoff: SHAHENJOSEPH)

Kerajaan negeri dingat laksana langkah mitigasi

Empangan Muda, Bukit Merah kritikal

Oleh NORLIDA AKMARI IDROS

YAN - Kementerian Perairan dan Irigasi (KIP) akan mengagihkan semua kerjaya negeri terutama yang berkaitan dengan pembaikan projek projek empangan. Langkah mitigasi masing-masing bagi mengekalkan keadaan menjadi lebih serius.

Timbalan Menteri, Akmal Nasrullah Mohd. Nasir berkata, projek pembaikan empangan di SJK, dekat sini dan Empangan Bukit Merah di Perak, sementara empangan lain termasuk Empangan Pech dan Bek di negeri-negeri lain.

"Memang kita telah memberi perhatian kepada semua projek untuk mengambil langkah-langkah mitigasi dan buat perancangan untuk kita mengagihkan projek-projek ini kepada Jabatan Meteorologi (MetMalaysia), ada kemungkinan cuaca panas dan kering ini sehingga September."

Sedang menunggu kita bawa ber-

waganda atau bersiap-sedia dan di Kuala Lumpur. "Kita akan bisa berdiskusi dengan bekalan air kita cuba kurangkan kesannya."

"Misalnya yang berlaku ini memang melibatkan perubahan iklim yang akan berlaku. Kita akan berunding dengan semua projek empangan Projek Empangan Sabo di Teluk Hayun, yang semalam."

Sementara itu, katanya, Empangan Muda dan Empangan Bukit Merah masih memerlukan pembaikan kerana projek ini dalam walaupun operasi pembaikan awan (OPV) dilakukan bermula kelmarin.

"OPA masih berlaku dua hari sehingga esok (hari ini) sebelum projek ini selesai. Kita akan mengagihkan projek ini yang diharapkan boleh menghasilkan hujan di kawasan empangan. Kesan ber-paya itu maknanya kita kena tengok daripada keseluruhan empangan dan projek ini akan semalam baru permulaan."

"Kalau tengok empangan itu piraunya masih tidak berubah berbanding bacaan semalam yang masih pada paras sama tetapi banyak air itu keluar kita."

ujarnya. "Kita akan mengurangkan, Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) projek empangan OPA di sekitar Empangan Muda dan Bukit Merah bagi meningkatkan kapasiti air yang terdapat di kawasan empangan."

Projek pembaikan empangan ini melibatkan projek projek empangan Sabo di Teluk Hayun, yang semalam."

Sementara itu, katanya, Empangan Muda dan Empangan Bukit Merah masih memerlukan pembaikan kerana projek ini dalam walaupun operasi pembaikan awan (OPV) dilakukan bermula kelmarin.

"OPA masih berlaku dua hari sehingga esok (hari ini) sebelum projek ini selesai. Kita akan mengagihkan projek ini yang diharapkan boleh menghasilkan hujan di kawasan empangan. Kesan ber-paya itu maknanya kita kena tengok daripada keseluruhan empangan dan projek ini akan semalam baru permulaan."

"Kalau tengok empangan itu piraunya masih tidak berubah berbanding bacaan semalam yang masih pada paras sama tetapi banyak air itu keluar kita."

Sedang menunggu kita bawa ber-

Empat lagi Empangan Sabo bakal dibina tahun ini

YAN - Kerajaan akan menubuhkan empat lagi Empangan Sabo di negeri-negeri lain. Menteri Perairan dan Irigasi, Akmal Nasrullah Mohd. Nasir berkata, empangan tersebut

akan dibina di Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu dan Sabah. Beliau berkata, projek ini akan bermula dalam RM430 juta sehingga mencecah RM144 juta, cuma empat projek itu kini buat secara berperingkat yang maknanya tahun ini boleh kepada prapajak projek ini.

"Beliau berkata demikian pada sidang akhbar pada Majlis Per-

arahan Projek Pembaikan Empangan Sabo di Teluk Hayun, yang semalam."

Sementara itu, Akmal Nasrullah Mohd. Nasir berkata, empat projek itu akan bermula di Baling, dekat sini yang telah ditubuhkan sebelum ini.

"Sementara itu, empat projek itu akan bermula di Baling, dekat sini yang telah ditubuhkan sebelum ini."

telah siap sepenuhnya. Beliau berkata, projek ini akan bermula dalam RM430 juta sehingga mencecah RM144 juta, cuma empat projek itu kini buat secara berperingkat yang maknanya tahun ini boleh kepada prapajak projek ini.

"Beliau berkata demikian pada sidang akhbar pada Majlis Per-

arahan Projek Pembaikan Empangan Sabo di Teluk Hayun, yang semalam."

Farmers worry over dry fields as Bukit Merah Lake recedes

By ARNOLD LOH arnold.loh@thestar.com.my

TAIPING: A group of rice farmers had to see the drying Bukit Merah Lake for themselves because they were truly terrified of getting empty rice kernels for the upcoming harvest season.

"Our family members tending to our rice fields have grown depressed because we have no water at the worst time," lamented Kampung Semanggol villager Shima Ali, 39, yesterday.

"If you come to my village, you see green fields everywhere and it looks nice. The padi shoots are knee-high, so they won't die.

"But this is the worst possible time to have no water because we must flood our fields right now with at least a few centimetres of water. The season is all wrong," she said, adding that without proper irrigation, there will be a significant proportion of panicles with hollow grains (a phenomenon also known as panicle blanking).

Shima explained that when padi grows on dry fields, the grains that form will be mostly hollow ones that get blown away by the wind during harvesting time.

"We can't even apply fertiliser now because the fields need to be soaking wet for the fertiliser to dissolve," she said.

Shima and two of her village friends drove to the lakeside yesterday just as a team from *The Star* also visited to understand the situation.

"We know the government started cloud seeding here on Monday, and it did rain heavily for a while after that. We appeal to the government not to stop. We really need rain," she said, adding that this was the longest dry spell she could remember, even though there were drier but short-lived periods in previous years.

Kerian District, where Shima lives, has over 21,000ha of padi fields, which is almost the size of Penang Island (29,500ha).

Bukit Merah Lake, built in 1906, is Malaysia's oldest man-made lake constructed for rice field irrigation.

As of yesterday, the Irrigation and Drainage Department's online data show that its level has dropped to 5.98m, while its normal level is 8.68m.

Things are also gloomy at the 144-year-old Taiping Lake Gardens.

Over 70% of the channel of lakes here has evaporated, leaving a dystopian scenery of cracking, sun-baked mud.

On Monday, Perak's Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, accompanied by Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim, Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad and Taiping MP Wong Kah Woh, visited the Taiping Lake Gardens.

Taiping is known for being the "wettest town" in Peninsular Malaysia, getting about 4,000mm of rain each year, while the national average is between 2,000mm and 2,500mm.

taip untuk carian

DUNIA

PESTA MALAYSIA 2024 DI BELANDA CIPTA KEJAYAAN GEMILANG

🕒 30/07/2024 04:22 PM



LEIDSCHENDAM (Belanda), 30 Julai (Bernama) -- Warna-warni ceria, aroma memikat dan irama mengasyikkan dari Malaysia dipamerkan dengan penuh gemilang di Pesta Malaysia (Malaysia Fair) 2024 yang diadakan di Westfield Mall of the Netherlands pada 27 hingga 28 Julai.

Pesta ini yang pertama seumpamanya oleh Malaysia di Belanda, bertujuan memperkenalkan kepada warga Belanda kepelbagaian budaya Malaysia, produk makanan, pelancongan, serta inisiatif MAHA (Malaysia Agriculture, Horticulture, and Agrotourism Show) Go Global 2024.

hubungan dua hala yang sedia terjalin antara kedua-dua negara, menurut Kedutaan Malaysia di The Hague dalam satu kenyataan pada Selasa.

Pesta Malaysia 2024 dianjurkan oleh Kedutaan Besar Malaysia di The Hague dengan sokongan kukuh daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia (MAFS), Tourism Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Ia dilancarkan secara rasmi oleh Duta Besar Malaysia ke Belanda, Roseli Abdul.

Majlis perasmian turut dihadiri tetamu kehormat termasuk Duta Besar serta diplomat dari kedutaan negara-negara anggota ASEAN yang berpusat di The Hague, pegawai kerajaan Belanda dan wakil dari pelbagai industri seperti halal, pelancongan dan penerbitan.

Para pengunjung dapat menikmati makanan Malaysia dengan gerai-gerai yang menawarkan pelbagai hidangan ikonik seperti nasi lemak, sate, teh tarik, roti jala, karipap dan kuih-muih.

Mereka juga berpeluang membeli buah-buahan seperti durian Musang King, nangka madu, rambutan, buah naga dan belimbing di gerai MAFS.

Selain itu, gerai Syarikat Aqina Holdings Sdn. Bhd, KULIM (Malaysia) Berhad, 3BUMI Trading Sdn.Bhd, dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) menyediakan sampel nanas segar MD2 serta produk-produk makanan dari Malaysia yang menarik para pengunjung untuk meneroka citarasa baru.

Gerai Tourism Malaysia menjadi tumpuan, menyediakan maklumat menyeluruh tentang destinasi pelancongan menarik dengan kerjasama TUI Nederland, sebuah syarikat pelancongan terkenal Belanda.

Kekayaan budaya Malaysia turut dipamerkan dengan persembahan tarian tradisional seperti Joged Bahau dan Joged

Songket, memukau pengunjung dan memberikan mereka gambaran tentang warisan Malaysia.

Pameran ini juga memperkenalkan inisiatif MAHA Go Global 2024 yang direka untuk meningkatkan pengembangan perniagaan, eksport dan inovasi dalam sektor pertanian dan hortikultur di peringkat antarabangsa.

MAHA 2024 bakal berlangsung di Malaysia Agro Exposition Park (MAEPS), Serdang, Selangor pada 11 hingga 22 Sept 2024 dan dijangka disertai lebih 50 pempamer dari seluruh dunia.

"Pameran ini juga berfungsi sebagai tempat pertemuan bagi diaspora Malaysia di Belanda, yang menikmati peluang untuk merasai makanan popular Malaysia dan menikmati persembahan budaya.

"Acara ini memupuk semangat kekitaan di kalangan rakyat Malaysia yang tinggal di Belanda dan mewujudkan suasana seolah berada di Malaysia walaupun jauh dari tanahair tercinta," menurut Kedutaan.

Pesta Malaysia 2024 mendapat sambutan positif dan berjaya mencapai matlamatnya.

"Secara keseluruhannya, Pesta Malaysia 2024 adalah satu kejayaan yang besar. Ia merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan Malaysia untuk mempromosikan budaya, produk makanan, minuman serta buah-buahan dan pelancongan Malaysia di peringkat global.

"Acara ini bukan sahaja memupuk hubungan perniagaan di peringkat antarabangsa tetapi juga meraikan warisan budaya yang kaya di Malaysia dan meninggalkan kesan yang positif dalam sanubari kepada semua yang hadir," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

KATA KUNCI
